

Lakaran Pensel







AHMAD SOBRI BIN ZAKARIA
Kolej Komuniti Kulim, Kedah



Lakaran Pensel

Penulis

AHMAD SOBRI BIN ZAKARIA

Kolej Komuniti Kulim, Kedah

KOLEJ KOMUNITI KULIM

Terbitan Edisi 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kolej Komuniti Kulim.

Diterbitkan oleh:
Kolej Komuniti Kulim
Jalan Kota Kenari 2
Taman Kota Kenari
09000 Kulim
Kedah Darul Aman

Tel : 04-490 0412 Faks: 04-490 0385
Emel : info@kkkulim.edu.my
Fb : Kolej Komuniti Kulim (Official)
Laman Web : https://kkkulim.mypolycc.edu.my/

eISBN 978-629-97793-6-0

Prakata

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, buku Lakaran Pensel ini berjaya disiapkan. Buku ini dihasilkan sebagai panduan asas kepada pelajar, pendidik, penggiat seni dan individu yang ingin mempelajari teknik lakaran menggunakan pensel secara sistematik dan mudah difahami.

Kandungan buku ini disusun secara berperingkat, bermula dengan pengenalan kepada jenis pensel, kertas dan aksesori, diikuti teknik memegang pensel, kawalan tekanan, pergerakan tangan, penghasilan garisan, sapuan, jalinan serta teknik rendering. Contoh visual dan latihan yang disediakan diharapkan dapat membantu pembaca menguasai kemahiran asas serta meningkatkan keyakinan dalam menghasilkan lakaran.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan galakan sepanjang penyediaan buku ini. Semoga buku Lakaran Pensel dapat memberikan manfaat, menyemai minat terhadap seni lukis dan menjadi rujukan berguna dalam proses pembelajaran. Sebarang pandangan dan cadangan amat dialu-alukan bagi tujuan penambahbaikan pada masa hadapan.


Ahmad Sobri bin Zakaria
Pensyarah
Kolej Komuniti Kulim
Kedah Darul Aman

Isi Kandungan

Prakata	i
Isi Kandungan	ii
Pengenalan: Pensel sebagai Medium Seni Lukisan	1
Mengapa Lakaran?	2
Bahan dan Peralatan	6
Pensel dan Varian Pensel	6
Kelebihan dan Kekurangan Pensel	8
Perbezaan Jenis Pensel dan Kualiti Garisan	9
Kertas	12
Perbezaan Lakaran Pensel pada Kertas	13
Aksesori	16
Teknik	17
Cara Memegang Pensel	17
Kedudukan Memegang Pensel	18
Tekanan	20
Sapuan (Stroke) dan Tekanan	21
Pergerakan Tangan	23
Kedudukan A	23
Kedudukan B	24
Kedudukan C	25
Garisan dan Sapuan (Lines and Strokes)	27
Asas Jalinan	28
Latihan Sapuan Pensel	29
Teknik Rendering dalam Lakaran Pensel	31
Contoh Visual Teknik Rendering	32
Rendering Tekstur, Cahaya dan Bayang	33
Sumber Rujukan	34

Nombor halaman utama bermula pada bahagian Pengenalan.

Penfenalan



Pensel: Medium Seni Lukisan

Pensel merupakan medium yang istimewa dan sangat serba boleh. Tiada medium lukisan lain yang mampu melaksanakan pelbagai fungsi seperti pensel. Disebabkan pensel boleh menghasilkan garisan dengan ketebalan yang berbeza, pensel yang sama boleh digunakan untuk menghasilkan bayangan, tekstur, serta meniru pelbagai perbezaan ton.

Bagi sesetengah orang, pensel tidak banyak bezanya dengan pen atau penanda kerana semuanya boleh digunakan untuk membuat lakaran. Namun, pemikiran seperti ini mengabaikan hakikat bahawa hasil daripada pensel mempunyai keunikan tersendiri yang tidak dapat ditiru. Keupayaan untuk memahami dan menghargai perbezaan visual ini amat penting. Tujuan buku ini adalah untuk menjelaskan perbezaan antara pensel dan medium lakaran yang lain. Banyak penerbitan mengenai lakaran dan lukisan pensel tidak benar-benar menyentuh inti pati medium ini serta tidak membincangkan secara terperinci ciri-ciri unik pensel.

Pemahaman sebenar tentang lakaran pensel melangkaui pengetahuan mengenai pensel dan aksesori yang terkini. Ia melibatkan cara melihat secara kreatif, seperti bagaimana mengasingkan sesuatu objek daripada medan visual yang kompleks. Ia juga berkaitan dengan emosi, perasaan, dan komunikasi antara pelukis dengan objek yang dilukis.




Membuat catatan lakaran di bahagian belakang bahan bercetak.
Ia menunjukkan kemudahan dan kesederhanaan dalam membuat lakaran.

Mengapa Lakaran?


Trend dalam bidang lukisan sejak sedekad yang lalu banyak menumpukan kepada warna, gaya, ekspresi, dan kepantasan. Ciri-ciri ini merupakan tindak balas terhadap teknologi baharu serta gaya hidup moden masa kini. Namun begitu, trend tersebut kurang berkaitan dengan pedagogi pendidikan reka bentuk dan lukisan.

Lakaran melibatkan koordinasi antara mata dan tangan. Kita melihat, memerhati, kemudian merekodkan apa yang dilihat. Pensel menjadi medium yang membolehkan imej dipindahkan dan didokumentasikan. Pensel juga menjadi penghubung fizikal antara mata, minda, dan tangan. Ia merupakan alat lakaran yang ideal kerana mudah digunakan serta tidak memerlukan kos yang tinggi untuk dijadikan hobi.

Fleksibiliti dan kelancaran dalam lakaran pensel merupakan satu lagi keistimewaan yang sangat sesuai untuk golongan pemula. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari melalui lakaran pensel juga mudah diaplikasikan dalam bidang reka bentuk yang lain, malah manfaatnya sangat besar dan berkekalan.



Pensel ebony yang menonjolkan kesan kontra




Pensel ebony yang menonjolkan nilai ton gelap



Pensel 2B

Bahan dan Peralatan




Pelbagai jenis pensel lakaran

Pensel

Jika baru bermula dengan pensel sebaiknya menggunakan pensel dengan gred HB dari segi kekerasan matanya. Kesan garisan yang dihasilkan mempunyai tahap kegelapan sederhana dan mata penselnya juga tahan sederhana, bermaksud ia tidak perlu kerap diasah. Pensel ini mudah dikendalikan dan selesa digunakan, menjadikannya pilihan yang sesuai untuk pemula.

Terdapat pelbagai jenis pensel yang pada asasnya mempunyai fungsi yang hampir sama. Perkara penting ialah mencari beberapa jenis pensel yang sesuai dan selesa digunakan oleh diri sendiri. Pensel biasa hadir dalam pelbagai gred daripada B yang tinggi hingga H yang tinggi. Pensel yang lebih keras ditandakan dengan huruf H, manakala pensel yang lebih lembut ditandakan dengan huruf B.

Pensel keras biasanya digunakan untuk tujuan lakaran teknikal dan kerja melukis pelan kerana mata penselnya mampu menghasilkan garisan yang sangat halus, tajam, dan konsisten. Pensel jenis ini pernah menjadi pilihan utama arkitek sebelum era komputer kerana tulisan kecil dan kemas diperlukan untuk melengkapkan lukisan seni bina yang teliti. Namun begitu, pensel H yang tinggi kurang sesuai digunakan untuk lakaran dan lukisan biasa. Sebaliknya, pensel lembut lebih ideal untuk tujuan tersebut. Mata pensel yang lembut mampu menghasilkan tona yang lebih gelap dan lebih lancar ketika digunakan di atas kertas. Walau bagaimanapun, kerana hujung mata pensel cepat haus, garisan yang dihasilkan akan menjadi lebih tebal dan kurang konsisten.





Varian Pensel Lazim

Keras (Hard) = 2H
Sederhana (medium) = 2B
Lembut (soft) = 3B
Sangat lembut (extra soft) = 6B





Pemegang Mata Pensel Lazim

Pemegang bahagian atas digunakan untuk memegang mata pensel lembut berdiameter 1/4 inci dan yang lain ialah pemegang mata pensel mekanikal yang digunakan khusus untuk kerja lukisan teknikal sahaja.



Terdapat juga pensel arang, pensel pelan (layout pencil), pensel lakaran rata, pensel ebony, pensel draughting 314 dan sebagainya. Pensel arang mempunyai teras arang dan berfungsi seperti batang arang biasa, tetapi hujungnya boleh diasah seperti pensel. Disebabkan ia dibalut dengan kayu, penggunaannya menjadi lebih bersih dan mudah dikawal.

Pensel lakaran rata kerana ia mempunyai mata berbentuk segi empat atau segi empat tepat yang apabila diasah akan membentuk hujung seperti pahat rata. Ia mampu menghasilkan sapuan yang lebar dan luas dengan pelbagai variasi dinamik apabila diputar dan diubah sudut penggunaannya.

Hujung yang panjang ini sangat berguna dalam lakaran kerana ia boleh menghasilkan pelbagai kesan, daripada garisan halus hingga sapuan lebar setengah inci dengan hanya mengubah cara pensel dipegang atau digunakan pada sisi. Pensel ini menghasilkan nilai tona yang gelap serta kesan yang sangat kuat dan mendalam.


Kelebihan Pensel

Pensel membolehkan kesilapan dipadam dengan mudah, murah, mudah dibawa dan sesuai digunakan hampir di mana-mana. Pelbagai gred menghasilkan garisan dan ton yang berbeza.

Kekurangan Pensel

Namun grafit mudah comot, boleh pudar atau rosak jika tidak dilindungi, dan lazimnya menghasilkan kesan monokrom. Karya siap wajar disembur bahan pemati atau disimpan di bawah pelindung. Pemilihan kertas, tekanan dan gred pensel membantu mengurangkan kelemahan tersebut.


Lima jenis pensel utama dan perbezaan dalam kualiti garisan.



Mars Lumograph H




2/HB (regular pencil)




314 (draughting pencil)



Ebony pencil



Charcoal



Perlahan
Tekanan
Kuat
Mars Lumograph H
2/HB
(regular pencil)
314
(draughting pencil)
Ebony pencil
Charcoal



Lakaran pantas menggunakan pensel 314 pada kertas vellum lakaran. Pensel lembut dan tekstur halus permukaan vellum merupakan pasangan yang sangat sesuai dalam menghasilkan lakaran.



Lakaran di atas kertas: tangan boleh diletakkan dengan selesa di atas meja.



Lakaran menggunakan buku lakaran: tangan meluncur di sepanjang tepi bukan kedudukan yang selesa untuk dibiasakan oleh pemula.

Kertas

Lakaran pensel boleh dilakukan pada hampir apa sahaja jenis permukaan. Bagi pemula, perkara paling penting untuk diingat ialah menggunakan kertas putih yang paling murah. Kebiasaan untuk pemula boleh menggunakan drawing block yang bersaiz A5 kerana ianya mudah di bawa kemana-mana. Namun jika kawalan pensel masih lemah anda boleh menggunakan kertas lukisan bersaiz A3.

Helaian kertas yang tunggal dan rata membolehkan pelukis pemula meletakkan tapak tangan dengan selesa di atas permukaan lukisan. Meja juga berfungsi sebagai sokongan yang stabil, membantu keseimbangan tangan yang lebih baik serta mengurangkan gegaran.


Kertas lukisan yang baik hadir dalam pelbagai berat dan tekstur. Berat merujuk kepada ketebalan kertas. Tekstur pula merujuk kepada tahap kekasaran permukaan kertas, namun tiada standard nombor yang khusus untuk perbezaannya. Amalan biasa ialah mengenalinya melalui nama. Kertas cat air adalah kasar dan bertekstur tinggi, manakala kertas bristol jenis “plate” pula licin dan berkilat.

BERAT KERTAS LUKISAN

Gramatur (gsm) dan kesesuaian penggunaan

GRAMATUR	KATEGORI	CIRI DAN KEGUNAAN
70–90 gsm	Nipis	Sesuai untuk latihan lakaran awal dan latihan garisan.
100–120 gsm	Sederhana	Sesuai untuk latihan pensel dan lakaran harian.
140–160 gsm	Lebih kukuh	Sesuai untuk lukisan pensel yang melibatkan rendering dan lorekan.
180–220 gsm	Tebal	Sesuai untuk karya akhir dan teknik yang menggunakan banyak lapisan tona.
250–300 gsm ke atas	Sangat tebal	Lazim digunakan untuk media basah atau teknik campuran.


Perbezaan Lakaran Pensel Pada Kertas



Bayang dan garisan pada kertas ilustrasi (permukaan licin/berkilat). Perhatikan kekurangan variasi pada nilai tona dan kualiti garisan.

Bayang dan garisan pada kertas salinan biasa.

Bayang dan garisan pada kertas cat air.




Bayang dan garisan pada kertas vellum lakaran.


Kertas lakaran yang baik ialah kertas yang mempunyai tahap kekasaran sederhana: permukaannya perlu mempunyai sedikit “bijian” atau “tekstur” yang mampu mencengkam dan memegang mata pensel. Namun begitu, permukaan papan ilustrasi yang terlalu licin tidak disarankan untuk lakaran umum. Ia terlalu licin dan cenderung menghasilkan lekukan atau kesan alur yang dalam daripada garisan pensel, sekali gus menyukarkan kerja melakar semula di atasnya.

Walaupun ada yang berpendapat bahawa permukaan licin lebih baik untuk membina tekstur tetapi tidak sesuai untuk pemula. Sebaliknya, kertas cat air jenis cold-press mempunyai permukaan yang sangat kasar dan boleh menyebabkan mata pensel cepat haus. Permukaannya terlalu kasar sehingga pensel sukar bergerak dengan lancar. Pemula akan menghadapi kesukaran untuk mengawal kualiti garisan, dan lakaran yang dihasilkan biasanya menjadi tidak sekata.

Garisan lurus yang sepatutnya kemas sering menjadi terputus-putus, manakala kawasan lorekan akan dipenuhi titik-titik putih kecil. Kertas yang kasar sangat sukar dikuasai dan hanya sesuai untuk pelukis berpengalaman yang mahukan kesan tertentu.



Lakaran pantas pensel 314 pada kertas cat air.



Aksesori

Anda boleh mengasah pensel menggunakan pisau kecil jika tidak mempunyai pengasah pensel elektrik, tetapi pengasah elektrik cenderung menghasilkan hujung mata pensel yang lebih panjang. Perkara ini sangat bergun. Hujung yang lebih panjang juga dapat memanjangkan jangka hayat mata pensel yang telah diasah, sekali gus mengurangkan kekerapan untuk mengasah semula.

Papan pengasah, pad emeri, dan kertas pasir semuanya merupakan alat improvisasi untuk membantu mengekalkan ketajaman mata pensel. Gunakan apa sahaja yang anda rasa sesuai. Malah, anda juga boleh mengetuk atau menggosok pensel pada batu atau permukaan jalan jika tiada alat-alat tersebut.

Getah lembut pada pemadam kneaded hanya menyerap dan mengangkat kesan grafit tanpa meninggalkan serpihan pada lukisan. Pemadam plastik putih pula mampu menghilangkan banyak kesan grafit, tetapi akan meninggalkan serpihan yang perlu dibersihkan. Kedua-dua jenis pemadam ini tidak mampu memadam dengan sempurna. Setiap satunya akan mengubah permukaan lakaran dan tekstur kertas.

Teknik



Kawal pensel dengan tiga jari.



Genggaman hendaklah santai tetapi tetap kukuh.
Kawal pergerakan menggunakan tiga jari yang sama.


Cara Memegang Pensel

Terdapat banyak cara untuk memegang pensel, tetapi kata kunci utama ketika melakar ialah “relaks”. Elakkan memegang pensel seperti ketika menulis kerana genggaman menulis biasanya lebih kuat dan ketat. Genggaman untuk melakar sepatutnya lebih longgar dan santai.

Pegang pensel kira-kira dua hingga tiga inci dari hujung mata pensel. Kedudukan genggaman harus melibatkan ibu jari dan dua jari pertama sahaja, manakala pensel disokong dengan selesa pada bahagian dalam hujung jari ketiga. Gunakan jari tengah dan ibu jari untuk menstabilkan pensel serta mengelakkannya daripada tergelincir.

Hubungan antara jari tengah dan ibu jari biasanya menentukan jenis garisan dan gaya lakaran. Apabila hujung kedua-dua jari ini berada dalam jarak yang rapat dan menstabilkan pensel, keseluruhan tangan akan melipat ke dalam; akibatnya, pergerakan dan capaian pensel menjadi terhad mengikut sejauh mana jari dapat diregangkan.

Kedudukan ini dikenali sebagai Kedudukan A dan hampir sama dengan genggaman menulis. Ia sangat berguna untuk melakar garisan pendek dan butiran kecil, serta memberikan lebih kawalan kepada pelukis kerana kurang berisiko menghasilkan kesilapan.



Kedudukan Menulis

- genggaman yang ketat
- tiada kelenturan
- memegang sangat dekat dengan mata pensel



SCAN
untuk video
cara pegang pensel



Kedudukan Melakar

- genggaman lebih longgar
- lebih fleksibel
- memegang lebih jauh ke atas batang pensel

Kedudukan A



Kedudukan B

Kedudukan B berlaku apabila hujung jari tengah dan ibu jari berada jauh antara satu sama lain. Jari tengah dan jari ketiga biasanya diluruskan dan tidak dibengkokkan ke dalam, sekali gus meningkatkan pergerakan serta capaian pensel. Dengan menghayun ke atas dan ke bawah menggunakan jari tengah dan jari ketiga yang diluruskan, sapuan garisan boleh mencapai sehingga enam hingga tujuh inci. Kedudukan ini sangat sesuai untuk aktiviti lorekan kerana genggaman lebih longgar dan pergerakan jari lebih mudah dilakukan. Kedudukan ini juga membolehkan pensel dipegang secara sisi, sekali gus memaksimumkan penggunaan keseluruhan hujung pensel. Hasilnya, sapuan yang lebar dapat dihasilkan. Caranya ialah dengan meluruskan jari seluruh tangan dengan tapak tangan menghadap ke bawah, kemudian meluncurkan pensel di atas permukaan kertas. Sudut pensel perlu disesuaikan mengikut keselesaan dan fleksibiliti setiap pelukis. Pelukis seharusnya boleh bertukar daripada Kedudukan A kepada Kedudukan B secara berterusan tanpa sebarang gangguan.




Kedudukan C

Kedudukan C melibatkan cara memegang pensel seperti memegang pisau pengikis atau alat tangan kecil. Pensel dipegang di antara ibu jari dan jari tengah. Kedudukan ini menghapuskan pergerakan jari atau tangan yang kecil, dan lebih sesuai untuk sapuan yang panjang dan luas.
Keseluruhan lengan digunakan, sekali gus memberikan capaian maksimum kepada pelukis. Bergantung pada saiz kertas dan panjang lengan pelukis, sapuan pensel boleh mencapai lebih tiga kaki. Kedudukan ini juga boleh digunakan untuk menghasilkan kesan sapuan berbentuk pahat. Caranya ialah dengan memegang pensel dan membuat hentakan ke atas dan ke bawah menggunakan sapuan pendek dan pantas.



Garisan ringkas tanpa tekanan pada pensel;
kebanyakannya dikaitkan dengan pensel keras.



Garisan yang menunjukkan tanda-tanda tekanan serta
putaran dan pergerakan pensel;
ciri khas penggunaan pensel lembut.

Tekanan


Memberikan tekanan (daya) pada pensel ialah perkara yang memberi kelembutan dan kehidupan pada sesuatu garisan. Tanpa tekanan, sapuan dan garisan akan kelihatan biasa dan membosankan. Lukisan garisan ringkas menggunakan pen dan dakwat boleh menjadi sangat cantik apabila terdapat keseragaman pada garisan, kerana keseragaman ini dapat menonjolkan kejelasan dan keringanan lakaran. Namun begitu, pensel bukanlah pen, dan garisan pensel tidak seharusnya mengejar keseragaman sepenuhnya.

Pensel bermata keras boleh menghasilkan garisan yang lebih konsisten berbanding pensel lembut. Tetapi keindahan lakaran pensel terletak pada keupayaan pelukis untuk memberikan tekanan yang berbeza bagi mengubah kualiti garisan. Pergerakan seperti menekan, mengangkat, memutar, sedikit tolakan dan putaran, serta perubahan sudut mata pensel secara tiba-tiba semuanya menyumbang kepada pelbagai kesan yang unik dalam lakaran pensel. Keunikan inilah yang menjadikan pensel istimewa.

Pensel seharusnya dianggap sebagai lanjutan daripada tangan, lengan dan jari pelukis. Hanya melalui hubungan yang rapat ini sesuatu lakaran dapat dihasilkan. Mekanisme lakaran bukan sekadar pergerakan tangan yang memegang pensel, tetapi melibatkan keseluruhan rangkaian deria dari mata ke otak ke tangan dan seterusnya. Kita memerhati dan menilai dengan mata, meringkaskan dengan bantuan otak, membuat pertimbangan tentang apa yang perlu dikekalkan, kemudian merekod dengan tangan. Selepas itu, kita menilai semula dengan mata untuk melihat sama ada imej tersebut menyerupai apa yang kita lihat sebelum ini, kemudian membuat perubahan segera dan menilai semula secara berulang-ulang. Inilah proses lakaran secara ringkas.

Sama seperti proses lakaran yang sangat peribadi dan intim dari segi mental, begitu juga dengan penggunaan tekanan pada pensel yang bersifat peribadi dan subjektif. Tiada piawaian saintifik tentang berapa banyak daya yang perlu dikenakan pada sesuatu jenis mata pensel. Ia adalah proses cuba jaya kerana seseorang belajar daripada kesilapan dan kejayaan. Proses ini diulang berulang kali untuk mencapai corak yang konsisten, namun tiada siapa yang boleh mengajar dengan tepat bagaimana untuk melakukannya.

Stroke dan Tekanan





314 pencil

Mengetahui seberapa kuat tekanan yang perlu dikenakan pada mata pensel adalah sesuatu yang sering diimpikan oleh pelukis pemula. Ia mengambil masa dan dedikasi, dan sememangnya tiada jalan pintas dalam perjalanan pembelajaran serta pengalaman ini.

Sebenarnya, terdapat beberapa teknik yang boleh dipelajari dalam penerokaan tekanan dan daya. Kuncinya terletak pada genggaman. Oleh sebab tekanan datang daripada hujung jari, cara memegang pensel serta sentuhan antara jari dan pensel adalah sangat penting.

Sebagai contoh, menggunakan genggaman Kedudukan B, apabila ibu jari menjadi satu-satunya jari yang memberikan tekanan, jari ketiga akan menjadi bahagian penerima dan perlu memberikan sedikit rintangan. Pengetahuan ini boleh diajar dan dipelajari. Jumlah rintangan inilah yang menentukan nilai tona lorekan. Tona yang lebih gelap terhasil daripada rintangan yang lebih rendah, dan sebaliknya.

Untuk mengubah dan mempelbagaikan nilai lorekan pensel bergantung sepenuhnya pada keupayaan pelukis untuk menekan dan mengangkat pensel pada masa yang sesuai. Berbeza dengan cara memegang pensel, perkara ini bukan sesuatu yang boleh diajar dengan cepat, tetapi perlu dilatih dari masa ke masa.

Hal ini dapat menjelaskan apa yang dimaksudkan sebelum ini tentang pengalaman melakar yang bersifat peribadi dan mendalam. Ya, pensel merupakan medium lakaran yang paling mudah untuk dipelajari. Namun begitu, ia juga sukar untuk dikuasai kerana sifat bahan itu sendiri. Walau bagaimanapun, ini tidak sepatutnya menghalang anda daripada belajar melakar dengan pensel. Sebaliknya, ciri inilah yang akan menarik minat anda terhadap medium ini.

Kedudukan A





Stroke ke atas/ke bawah

Stroke menyerong



Pergerakan jari minimum



Pergerakan jari normal



Pergerakan jari maksimum
(perhatikan lengkungan kecil pada stroke)

Pergerakan Tangan

Pada asasnya, pergerakan tangan merujuk secara khusus kepada aktiviti melakar. Tiga kedudukan genggaman yang telah dibincangkan sebelumnya berkait secara langsung dengan tiga jenis pergerakan yang berbeza.

Pergerakan jari (Kedudukan A)

Oleh sebab genggaman dalam kedudukan ini agak ketat, pergerakan hanya terhad kepada jari sahaja. Garisan dan sapuan boleh dihasilkan melalui pergerakan lembut dengan menolak dan menarik pensel menggunakan ibu jari serta jari tengah dan jari ketiga. Sapuan menegak boleh dilakukan dengan mudah dengan menggerakkan jari ke atas dan ke bawah sambil mengekalkan tangan yang stabil di atas permukaan lukisan.

Namun begitu, sapuan mendatar memerlukan genggaman jari dikekalkan sambil pergelangan tangan digerakkan dari kiri ke kanan, pada masa yang sama tangan perlu kekal dalam keadaan relaks. Dengan memusingkan tangan sedikit ke sisi, capaian pergerakan dapat dipanjangkan. Ini memberikan pelukis lebih kebebasan untuk menggerakkan pensel serta menghasilkan sapuan yang lebih panjang.

Perubahan pada genggaman dan sudut ini menandakan peralihan secara beransur-ansur daripada Kedudukan A kepada Kedudukan B.

Kedudukan B





Pergerakan ke atas dan ke bawah bagi Posisi B. (Perhatikan jangkauan yang lebih panjang serta lengkungan arka yang sedikit.)

Pergerakan Tangan (Kedudukan B)

Pegangan dalam Posisi B adalah sedikit lebih tinggi dan memberi fleksibiliti paling besar kepada pelukis untuk menghasilkan pelbagai jenis garisan dan strok. Dengan menggerakkan tangan, strok dapat meliputi kawasan yang lebih luas. Jari-jari perlu dikunci dalam kedudukan tetap bagi membolehkan keseluruhan tangan bergerak bebas dengan berpaksikan pergelangan tangan. Pusat pergelangan tangan dalam pergerakan ini menjadi titik pusat manakala tangan bertindak sebagai jejari. Oleh itu, strok cenderung kelihatan melengkung seperti arka, namun kesannya boleh diubah suai dengan memanjangkan pergerakan lengan.



Strok cenderung lebih menyerong; sentiasa ubah kedudukan tangan untuk menukar arah strok; perhatikan strok menjadi lebih lebar disebabkan oleh sudut sentuhan mata pensel pada permukaan kertas.

Kedudukan C




Pergerakan kiri ke kanan bagi Posisi C.

Pergerakan Tangan (Kedudukan C dan lain-lain)

Lakaran menjadi lebih besar dan bebas apabila pergerakan lengan mula digunakan. Dengan mengubah cara pegangan serta menggerakkan dan memanjangkan keseluruhan lengan, pelukis dapat menghasilkan strok panjang dan luas yang merentasi halaman (atau dinding, jika perlu). Lakaran bersaiz besar perlu disertai dengan medium yang sesuai seperti pensel besar dengan mata lembut. Arang lukis juga merupakan medium yang sangat sesuai digunakan. Jenis pergerakan ini amat sesuai untuk mengekspresikan pemandangan landskap dalam skala yang besar.



Memanfaatkan sudut rendah pensel dan menggunakan keseluruhan sisi mata pensel yang terdedah untuk menyentuh permukaan kertas; posisi yang ideal untuk menghasilkan strok yang lebar.



Lines
Strokes
Strokes
Lines

Lines dan Strokes

Garisan merujuk kepada kesan yang panjang dan berterusan dengan lebar yang konsisten, manakala strok ialah garisan yang lebih pendek, terputus-putus, dan mempunyai pelbagai ketebalan. Garisan merupakan kesan tinggalan pada kertas hasil daripada pergerakan pensel yang meluncur di atas permukaan kertas. Sifatnya lebih lembut dan lancar. Sebaliknya, strok ialah kesan hentakan yang biasanya lebih tegas dan disengajakan.

Dalam lakaran, garisan digunakan untuk menentukan sempadan ruang dan menggambarkan objek. Pelbagai ketebalan garisan boleh dihasilkan hanya dengan melaraskan sudut mata pensel. Secara teori, mata pensel yang keras menghasilkan garisan yang nipis dan cerah, manakala mata pensel yang lembut menghasilkan garisan yang gelap dan tebal. Namun begitu, pensel lakaran berkualiti dengan mata lembut juga mampu menghasilkan pelbagai jenis garisan dengan sendirinya. Oleh itu, tidak perlu mempunyai terlalu banyak jenis mata pensel kerana satu atau dua batang pensel sahaja sudah mencukupi.


Dalam lakaran, penggunaan pelbagai ketebalan garisan sangat digalakkan bagi mengelakkan hasil yang kelihatan monotone. Contohnya, garisan profil (garisan yang lebih tebal) digunakan untuk menonjolkan objek daripada latar belakang serta menjadikan objek kelihatan lebih tiga dimensi. Variasi ketebalan garisan dalam sesebuah lakaran juga memberikan kesan kedalaman dan ruang yang lebih baik, terutamanya dalam lakaran landskap.





SCAN
untuk video
Stroke Pensel

Asas Jalinan



A

Strokes pendek secara berasingan; ubah arah sekali-sekala untuk menghasilkan kesan silang pangkah (cross-hatching).

B

Strokes pendek yang berterusan; ubah arah sekali-sekala.

C

Strokes berbentuk “M” yang berterusan; sentiasa menukar arah.

D

Strokes berbentuk “W” yang berterusan; sentiasa menukar arah.

E


Strokes “M” yang sangat pendek dengan arah yang tetap.

Latihan Srokes A




Mulakan dengan pergerakan jari yang kecil; tingkatkan tekanan pada pensel; luaskan pergerakan sehingga melibatkan pergerakan tangan; gunakan pergelangan tangan.
Pensel 2/HB.

Latihan Srokes B



Fokus terutamanya pada pergerakan jari; laraskan sudut tangan mengikut kesesuaian.
Pensel 2/HB.

Latihan Srokes C



Lakukan sapuan pendek ke atas dan ke bawah menggunakan pergerakan jari; gelongsorkan tangan merentasi permukaan kertas untuk mengulangi sapuan; putarkan pensel.
Pensel 3B–4B.

Putarkan pensel untuk mendapatkan hujung yang tajam.



Pensel H

Teknik Rendering dalam Lakaran Pensel


Rendering ialah proses memperincikan lakaran melalui pengolahan nilai tona, cahaya dan bayang,tekstur serta variasi garisan. Proses ini membantu menghasilkan ilusi bentuk, isipadu, ruang dan kedalaman pada objek dua dimensi. Penguasaan rendering bergantung pada kawalan tekanan pensel, arah sapuan dan pemerhatian terhadap sumber cahaya.

Teknik	Ciri dan fungsi	Kegunaan
Hatching	Garisan selari yang disusun rapat atau renggang untuk membentuk nilai tona.	Sesuai untuk membina bayang, bentuk dan arah permukaan.
Cross-hatching	Lapisan garisan bersilang pada sudut yang berbeza untuk menghasilkan tona lebih gelap.	Sesuai untuk meningkatkan kontras dan kedalaman.
Stippling	Penggunaan titik dengan kepadatan berbeza bagi menghasilkan perubahan tona.	Sesuai untuk tekstur halus dan kesan visual terperinci.
Blending	Penghasilan peralihan tona yang lembut dan beransur-ansur.	Sesuai untuk objek berpermukaan licin dan bentuk melengkung.
Scumbling / scribbling	Sapuan bebas, bertindih dan tidak seragam untuk menghasilkan tona serta tekstur.	Sesuai untuk permukaan organik seperti rambut, daun dan batu.

Prinsip utama: Nilai tona hendaklah dibina secara berperingkat daripada cerah kepada gelap. Tekanan pensel yang terkawal membolehkan perubahan tona dihasilkan tanpa merosakkan permukaan kertas.


Contoh Visual Teknik Rendering

Contoh berikut menunjukkanperbezaan ciri visual bagi beberapa teknik rendering pensel.Kepadatan garisan, titik atau sapuan ditingkatkan secaraberperingkat untuk menghasilkanperubahan nilai daripada cerah kepada gelap.




Hatching

Garisan selari. Jarak yang semakin rapat menghasilkan nilai yang lebih gelap.




Cross Hatching

Garisan bersilang dan bertindih untuk meningkatkan ketumpatan tona.



Stippling

Titik disusun dengan kepadatan berbeza; lebih banyak titik menghasilkan tona lebih gelap.



Blending


Peralihan tona yang lembut dan beransur-ansur tanpa sempadan garisan yang ketara.



Scumbling / Scribbling

Sapuan bebas dan bertindih menghasilkan tekstur organik. Teknik ini sesuai untuk rambut, dedaunan, batu dan permukaan yang tidak seragam.

Contoh Rendering Tekstur, Cahaya dan Bayang



SCAN ME!

SCAN untuk video Teknik Rendering

Rendering sfera

Sumber cahaya dari bahagian kiri atas menghasilkan highlight, halftone, core shadow dan cast shadow. Susunan nilai ini membantu mewujudkan ilusi isipadu dan bentuk tiga dimensi.

Sumber Rujukan

Ab. Razali, M. H. (2024). Jom belajar asas lukisan bersama Sir Hisyam: Siri 2. Kolej Komuniti Manjung. https://repositori.mypolycc.edu.my/jspui/handle/123456789/3546

Latif, A. (2021). Asas lukisan pensil dan arang. Penerbit Enam.

Mohd Ghazali, F. A., & Abu Bakar, R. (2022). Garis ke gerakan: Lukisan figura dalam animasi. Persatuan Animasi Malaysia.

Zephy. (2025). Learn to draw anything: A simple method to start drawing in 15 minutes a day. Quarry Books.

Walter Foster Creative Team. (2023). Big school of drawing workbook: Well-explained, practice-oriented drawing instruction for the beginning artist. Walter Foster Publishing.

Kim, S. (2024). Drawing basics and beyond: Transform observation into imagination. Rockport Publishers.

Cronin, P. (2021). Sketching for the absolute beginner. Search Press.

Lipscomb, K., & Fisher, T. (2023). The artist's drawing book. Blue Star Press.

Türkan, S. (2024). Pencil drawing portraits: Learn to draw faces, features, and more with step-by-step pencil projects perfect for beginners. Walter Foster Publishing.

Froese, T. (2026). Drawing is important: How to start a lifelong daily drawing practice. Rockport Publishers.

Lakaran Pensel



Diterbitkan oleh :
Kolej Komuniti Kulim
Jalan Kota Kenari 2
09000 Kulim
Kedah Darul Aman
Tel : 04-490 0412 Faks: 04-490 0385
Emel : info@kkkulim.edu.my
Fb : Kolej Komuniti Kulim (Official)
Laman Web : https://kkkulim.mypolycc.edu.my/